

- 1 C** Kata ganti nama kedua yang paling tepat mengikut konteks ayat. *Kamu* digunakan untuk diri orang kedua yang rapat hubungannya dengan kita, misalnya oleh orang dewasa kepada orang yang lebih muda umurnya.
- 2 A** Kata *melunjurkan* bermaksud "menghulurkan (kaki) ke depan" bertepatan dengan konteks ayat dan gambar yang diberikan.
- 3 D** Kata sendi nama *daripada* digunakan untuk orang.
- 4 B** Imbuhan yang paling tepat dengan konteks ayat ialah *gangguan* yang bermaksud "apa-apa yang mengganggu, sesuatu yang menyusahkan, halangan".
- 5 A** Kesalahan kata bilangan himpunan, iaitu *beribu*. Kata bilangan himpunan *beribu-ribu* tidak boleh disingkatkan sewenang-wenangnya menjadi *beribu*.
- 6 D** Tiada kesalahan bahasa dalam ayat yang diberikan.
- 7 C** *Kasar* dalam ayat I bermaksud "tidak kemas buatannya". *Kasar* dalam ayat II bermaksud "tidak halus, agak tebal". Manakala *kasar* dalam ayat III bermaksud "tidak terperinci, secara umum saja". Penggunaan perkataan *kasar* dalam ayat IV kurang tepat, sepatutnya digantikan dengan *keras*.
- 8 A** Perkataan *tergendala* lebih tepat digunakan dalam ayat III, manakala perkataan *terbiar* dalam ayat IV digantikan dengan perkataan *terlantar*.
- 9 A** Ayat yang betul ialah *diperindah dengan pelbagai jenis pokok bunga*. Hal ini dikatakan demikian kerana *diperindah* ialah kata kerja pasif yang dipasifkan daripada kata kerja transitif awalam *mempeR- +* kata adjektif dan tidak boleh ada imbuhan akhiran *-kan* dan perlu diikuti kata sendi nama.
- 10 C** *Beberapa* ialah kata nama bilangan yang menunjukkan bilangan tak tentu yang membawa maksud jamak (banyak). Oleh sebab itu, kata nama yang mengikutinya selepas itu tidak perlu digandakan.
- 11 B** Ayat I terdapat kesalahan pada perkataan *uzur*, sepatutnya digantikan dengan perkataan *buruk*. Ayat II pula terdapat kesalahan bahasa pada frasa

memperbesar lagi rumahnya. Frasa yang betul ialah *memperbesar rumahnya lagi*.

- 12 D Ayat II, III, dan IV tidak mengandungi kesalahan bahasa. Perkataan *di antara* dalam ayat I salah, lebih tepat digantikan dengan *antara*.
- 13 B Ayat yang sama atau paling hampir sama ialah **B**. Hal ini dikatakan demikian kerana ayat yang ditanya ialah ayat aktif transitif. Jawapan ini tepat kerana ayat ini ialah ayat pasif.
- 14 C Peribahasa *ibarat mencurahkan air ke daun keladi* bermaksud “sesuatu perbuatan yang tidak memberikan kesan”.
- 15 C Frasa *dipandang tinggi* membawa maksud “dianggap mulia”.
- 16 A Semua pengajaran terdapat dalam petikan kecuali **A**, iaitu “Kita hendaklah bersimpati kepada golongan susah”.
- 17 C Penyataan **C** bukan cara untuk mengelakkan diri daripada menghidap penyakit berbahaya.
- 18 D Peribahasa “harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama” berpadanan dengan penyataan yang diberikan.
- 19 C Jawapan dapat dirujuk pada dialog yang diucapkan oleh Pak Mail, iaitu “... Akhbar tidak sempat melihat anak bongsu, Farid ...”.
- 20 A Kesemua latar masyarakat dalam jawapan pilihan **B**, **C** dan **D** terdapat dalam petikan drama, kecuali **A**, iaitu “masyarakat yang pemaaf”.